From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT PENGURUSAN TVET UUM KINI DIKENALI SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN TVET UUM-KDEBWM
Date: Monday, 21 September, 2026 10:25:54 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Hana Fatimah Kamarul Bahrin

PUSAT PENGURUSAN TVET UUM KINI DIKENALI SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN TVET UUM-KDEBWM

UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) secara rasmi mengumumkan penjenamaan semula entiti TVET mereka yang kini dikenali sebagai Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM bermula 18 Ogos 2026.

Dalam satu pemakluman rasmi bertarikh 18 Ogos 2026 (Rujukan: UUM/CAN/P-48), Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed mengesahkan penggunaan nama Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM secara rasmi dan berkuat kuasa serta-merta.

Pengesahan tersebut memperkukuhkan lagi kedudukan nama UUM-KDEBWM sebagai identiti rasmi pusat berkenaan dalam menerajui agenda dan pelaksanaan TVET universiti.

Pengesahan penukaran nama rasmi ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor. Susulan langkah ini, pihak pengurusan universiti turut mengesahkan pelantikan Prof. Madya Ts. Dr. Shanusi Ahmad sebagai Pengarah Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM bagi menerajui hala tuju dan operasi pusat berkenaan.

Penggunaan nama rasmi baharu ini dilaksanakan sebagai bentuk penghargaan dan penyantunan terhadap sumbangan jitu KDEB Waste Management (KDEBWM). Syarikat berkenaan bertindak sebagai penyumbang utama dalam menjayakan penubuhan pusat ini menerusi penajaan bernilai RM200,000.

Langkah strategik ini juga menjadi bukti kukuh sinergi dan kerjasama erat antara pihak akademi dan industri. Kolaborasi UUM dan KDEBWM ini secara tidak langsung menyahut serta menyokong aspirasi Dasar TVET Negara dalam memperkasa latihan vokasional dan teknikal tempatan.

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.